SAMPEL PERCUMA

# Kertas Percubaan STPM Semester 3 Bahasa Melayu

## Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

**Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:**

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM24.90

**BELI SET PENUH RM24.90 >**

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nama:..... Kelas:.....

*PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM*

910/3 STPM 2024

*PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM*

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM

*PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM*

## BAHASA MELAYU

*PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM*

## KERTAS 3

*PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM*

**MAJLIS PEMUAFAKATAN PENOLONG KANAN TINGKATAN ENAM**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

# 1 Jam 30 Minit

Arahan kepada calon :

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian A dan dalam Bahagian B.*

| Untuk kegunaan pemeriksa | |
|---|---|
| *Bahagian B* | |
| **21** | |
| **22** | |
| **23** | |
| **24** | |
| **25** | |
| **26** | |
| **27** | |
| **28** | |
| **29** | |
| **30** | |
| **31** | |
| **32** | |
| **33** | |
| Jumlah | **45** |

**Kertas soalan ini terdiri daripada 12 halaman bercetak dan 1 halaman kosong.**

Majlis Pemuafakatan Penolong Kanan Tingkatan Enam 2024

## **Bahagian A** [30 *markah*]

*Jawab **semua** soalan. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

1 Yang manakah pernyataan yang benar tentang wacana?

I Merupakan unit bahasa yang melebihi batas ayat.

II Merupakan kelainan berbahasa dalam kalangan masyarakat.

III Merupakan butir-butir fikiran yang dikembangkan secara bertautan.

IV Merupakan satuan bahasa yang hanya mementingkan aspek ketepatan nahuannya.

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

2

| | |
|---|---|
| L | Lima orang perompak telah memasuki rumah itu. Salah seorang perompak tersebut menghunuskan pisau ke arah tuan rumah. Anak tuan rumah yang melihat kejadian itu berjaya melarikan diri lalu menghubungi pihak polis. Akhirnya, pihak polis berjaya memberkas kelima-lima orang perompak tersebut. |
| M | Sikap segelintir anggota masyarakat yang suka merosakkan harta benda awam semakin membimbangkan. Kerosakan harta benda awam ini mendatangkan kerugian kepada negara. Oleh sebab itu, nilai tanggungjawab dalam diri anggota masyarakat sangat penting untuk mengatasi masalah tersebut. |

Yang manakah padanan jenis penanda wacana yang betul bagi wacana *L* dan *M*?

| | I | II |
|---|---|---|
| A | Penanda penghubung kesimpulan | Penanda penghubung tambahan |
| B | Penanda penghubung tambahan | Penanda penghubung musabab |
| C | Penanda penghubung musabab | Penanda penghubung tempoh |
| D | Penanda penghubung tempoh | Penanda penghubung kesimpulan |

3 Pernyataan yang manakah **tidak** benar tentang retorik?

A Ketepatan diksi

B Aspek tatabahasa

C Topik perbincangan

D Keberkesanan penyampaian

4

| | |
|---|---|
| I | Peperangan banyak memaparkan kisah yang menyayatkan. Ramai orang terkorban, mayat bergelimpangan, bangunan hancur ranap, puing-puing bertaburan. Bandar menjadi padang jarak padang tekukur. |
| II | Kolagen Jenis II berfungsi secara khusus untuk meningkatkan kesihatan sendi. Kolagen itu juga menambah ketebalan rawan, meningkatkan kandungan cecair pelincir, dan memperbaik kebolehlenturan ligamen dan salur darah. |

Yang manakah padanan yang menepati jenis retorik I dan II?

| | I | II |
|---|---|---|
| A | Pendedahan | Penceritaan |
| B | Penceritaan | Pendedahan |
| C | Pemerian | Pendedahan |
| D | Pendedahan | Pemerian |

5

Idea yang menjadi fokus disampaikan terlebih dahulu, diikuti oleh contoh dan idea-idea sokongan sebagai pengukuhan.

Teknik penyampaian idea seperti pernyataan di atas ialah

A induksi

B analogi

C eklektik

D deduksi

6 Variasi bahasa ialah kelainan bahasa yang disebabkan oleh

A kepelbagaian bidang

B faktor sosial dan situasi tertentu

C perbezaan gaya bahasa yang digunakan

D kelainan antara bahasa lisan dengan tulisan

7

- Digunakan dalam perhubungan antara penutur dengan pendengar yang berbeza status sosial
- Lazimnya, menggunakan kiasan pemanis
- Menggunakan ungkapan diri yang sopan yang beradab

Pernyataan di atas menepati ciri

A bahasa halus

B bahasa mesra

C bahasa dalam

D bahasa basahan

8 Yang manakah ciri bahasa kreol?

I Terdapat satu bahasa yang dominan.

II Tatabahasanya lebih kompleks dan mantap.

III Kosa katanya meluas dan banyak dijadikan sumber.

IV Kadang-kadang makna katanya berbeza daripada makna asal.

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

9

| | |
|---|---|
| *X* | Itu orang banyak kaya. |
| *Y* | Itu budak tinggi punya banyak pandai. |
| *Z* | Sayang, marilah makan. |

Padanan manakah yang betul antara contoh ayat X, Y, dan Z dengan jenis variasi bahasanya?

| | *Jenis variasi bahasa* | | |
|---|---|---|---|
| | *X* | *Y* | *Z* |
| A | Bahasa mesra | Bahasa formal | Bahasa basahan |
| B | Bahasa pijin | Bahasa basahan | Bahasa pasar |
| C | Bahasa pasar | Bahasa formal | Bahasa pijin |
| D | Bahasa pijin | Bahasa pasar | Bahasa mesra |

10 Pernyataan yang manakah benar tentang ciri laras bahasa sains?

A Disampaikan secara tersusun dan jelas

B Banyak menggunakan kata adjektif

C Penggunaan formula atau rumus

D Menggunakan ayat perintah

11

- Berbentuk pemberitahuan fakta
- Bahasa yang digunakan bersifat imaginatif dan kreatif
- Maklumat disampaikan dengan ringkas tetapi terperinci

Yang manakah jenis laras bahasa yang menepati ciri-ciri di atas?

A Laras bahasa iklan

B Laras bahasa sains

C Laras bahasa resipi

D Laras bahasa sastera

TAMAT SAMPEL

# Suka sampel ini?

## Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

**Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:**

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM24.90

**BELI SET PENUH RM24.90 >**

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar